

08 JUL 1998

Megat-pengarah

SESEORANG MUNGKIN DIHADKAN PEGANG JAWATAN PENGARAH, KATA MEGAT JUNID

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Kerajaan mungkin menghadkan penyandangan jawatan pengarah oleh seseorang individu sebagai langkah menggalakkan pengurusan korporat bertaraf tinggi dalam sektor perniagaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini berkara Pendaftar Syarikat (ROC) telah diminta menyiasat mereka yang memegang banyak jawatan pengarah untuk mengetahui sama ada mereka memainkan peranan efektif bagi syarikat-syarikat yang melantik mereka.

"Individu yang menyandang jawatan pengarah hanya untuk mendapatkan saraan tetapi tidak mampu memainkan peranan efektif dan berkesan, akan dipertanggungjawabkan jika tidak mematuhi peraturan," katanya kepada pemberita selepas menutup persidangan antarabangsa mengenai pengurusan korporat di sini.

"Saya terkejut apabila diberitahu oleh (Pendaftar Syarikat) Datuk Ramly Ali bahawa ada individu yang menjadi pengarah untuk lebih 200 syarikat," katanya.

Sebelum ini, rekod itu dipegang oleh seorang individu lain yang menyandang 193 jawatan pengarah, katanya.

Beliau berkata dengan banyak memegang jawatan pengarah, individu itu pasti tidak dapat melaksanakan tugas mengikut standard yang diharapkan.

Terdahulu, dalam ucapannya, Megat Junid berkata pengarah bukan eksekutif dalam kebanyakan lembaga syarikat hanyalah "kroni kepada Ketua Pegawai Eksekutif" dan pasti akan mematuhi apa jua agenda Ketua Pegawai Eksekutif itu untuk syarikat.

"Dalam pasaran yang bergerak pantas dan berdaya saing, Ketua Pegawai Eksekutif yang pintar mahukan para pengarah mereka supaya berperanan lebih daripada panel yang menurut perintah. Mereka mahukan pengarah yang berpengetahuan dan berbakat untuk berperanan sebagai anggota lembaga dan penasihat yang berkesan," katanya.

Mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir supaya peraturan dan undang-undang baru diperkenalkan untuk meningkatkan ketahanan syarikat, Megat Junid berkata perkara itu telah dibincangkan oleh kementerian dan agensi lain berkenaan sejak kegawatan ekonomi berlaku tahun lepas.

Beliau berkata sesetengah daripada idea itu juga telah dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk diterimapakai.

Persidangan dua hari itu, yang disertai oleh 300 wakil syarikat tempatan dan asing, diadakan sempena sambutan 100 tahun ROC.

-- BERNAMA

HJ NAK